

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JMK 321 – Puisi Melayu Moden

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

...2/-

1. Bahan sastra lahir bersama-sama pembinaan rasa, cita-cita, imaginasi kehidupan dan fikiran. Soal nilai, moral dan kebudayaan terheret sama. Berdasarkan kenyataan tersebut sediakan satu analisis bandingan terhadap puisi berjudul “Di Sudut Dusun” (Latiff Mohidin) **atau** “...*Hari Terakhir Sebuah Dusun*” (Muhammad Hj. Salleh) – Lampiran A.

(25 markah)
2. Bincangkan kekuatan penggunaan unsur bahasa dalam puisi berjudul “Kita Ini Tetamu Senja” karya A. Samad Said dan “Nazak”, karya Shamsuddin Jaafar – Lampiran B.

(25 markah)
3. Hayati puisi berjudul “Apabila Kata-Kata Menjadi Sebuah Dosa” (Zurinah Hassan) dan sediakan satu analisis kritis daripada aspek isi, bentuk dan teknik puisi tersebut. – Lampiran C.

(25 markah)
4. Bincangkan aspek isi puisi berjudul “Mata Ayah” karya Usman Awang dan “Seri trolak” karya Siti Zainon Ismail. – Lampiran D.

(25 markah)
5. Apakah falsafah dan mesej yang cuba disampaikan oleh penyair dalam puisinya “Seorang Lelaki Tua” (Lim Swee Tin) dan “Kalau kita tak berasa hina kita tak pula berasa mulia” karya Baha Zain. – Lampiran E.

(25 markah)
6. Hayati semua aspek yang menonjol dalam puisi “Dialog” (Kassim Ahmad) dan “Segalanya Padamu Ibunda” (Dharmawijaya). Bincangkan keistimewaannya. – Lampiran F.

(25 markah)

Lampiran A

Di Sudut Dusun

Kumasuki kembali dusun yang hening itu
bau kumbang pandan berlegar di tikungan

Angin dingin menjalar dari titian buluh
sarang serangga berpaut di hujung ranting

Semarak hutan meriak direndam kabus pagi
segala yang redup menjadi tunas tumbuhan

Kunaiki kembali rumah sisipan atap itu
binaan: setengah papan setengah ruang

Cahaya hijau mendekati ke anak tangga
benih keras di tangan kulepaskan perlahan

Labah-labah mengaitkan benang suteranya
Geluk berkocak seketika di mulut tempayan

Pada lantai serambi debu kental berkumpul
tikar mengkuang masih mengarang fajar

Langsir dapur menyala menerangi tingkap
Sumbu pelita mengumpul karat di atas para

Dari anjung kini bergantung warisan sinar
Berbintik kerawangpadat menyentuh tubuh

Seakan tidak ada yang mereput di pelantar ini
Mata kembaraku berhenti sejenak di sudut dusun

(Latiff Mohidin, 1992: 18 – 19)

....Hari Terakhir Sebuah Hutan

maut tiba di hujung gigi gergaji
 dengan duri jerit yang menyerampang angkasa
 dan merah matahari
 membenam ke padat isi kayu
 yang tersentak oleh sakit dan bising asing
 dunianya memulas kebiasaan, aneh seperti pitam
 getah mengalir, zatnya meniadakan waja
 tergetar perdu dan akar berterbangan
 udaranya diharumkan oleh wangian sebulan
 langit bersaksi dengan mata bening.

rebah cengah
 rebah meranti
 rebah merbau
 rebah pulai
 rebah seraya
 rebah nyatuh
 rebah resak
 rebah halban
 rebah nibung
 rebah rotan

runtuhannya sekeluarga pohon, yang berusiakan kurun
 yang indah dan yang besar dalam bayang

setelah berkampung sejuta tahun
 di lembah daun dan sungai hujan.

edaran alam berputar perlahan
 dengan peka pada rentak musim dan matahari
 dengan rasa hadir di urat akar dan goyang pucuk
 setelah letupan kuat dan gelimpangan kayu panas meniup
 ke lubang udara, tersiatlah kewujudan.

gugur bunga seunggu pagi
 semerah tebing seputih awan dan seperang batang
 gugur putik dan buah di julai
 bertitik pada pusat bunga atau penuh semusim
 gugur secakerawala warna
 seratus jalur hijau yang menjadi peribadi daun
 gugur juga bulan yang tersangkut di dahan
 cahaya yang menuliskan perbezaan
 gugurlah pagi, gugurlah petang dan gugurlah malam.

gugur berdesir kelembutan yang melelah dari pucuk
melayang menipis kabus rahsia alam
patah ruyungimbangan, sejak hutan meresap ke tanah
lunturlah keindahan senyap yang ditayangkan oleh siang
bisu daun, bisu ranting, tiada nyanyian atau sahutan
tiada rusa atau ungka, tiada wajah berkawan
tiada denyut suara pelanduk, tiada pernyataan.

hikayat penuh hutan
ditamatkan oleh sepasukan lori yang bertayarkan angkuh
sekumpulan pemotong gajian yang memakai kesedihan di matanya.

dan seorang pembalak gemuk
yang berdiri di gurun merah kontang – dunia akan datang.

(Muhammad Hj. Salleh, 1989)

Lampiran B

Kita Ini Tetamu Senja

Kita datang ini hanya sebagai tetamu senja
bila cukup detik kembalilah kita kepada-Nya
kita datang ini kosong tangan kosong dada
bila pulang nanti bawa dosa bawa pahala.

Pada tetamu yang datang dan kenal jalan pulang
bawalah bakti mesra kepada Tuhan kepada insan
pada tetamu yang datang dan lupa jalan pulang
usahlah derhaka pula kepada Tuhan kepada insan.

Bila kita lihat manusia lupa tempat
atau segera sesat puja darjat puja pangkat
segera kita insaf – kita ini punya kiblat
segera kita ingat – kita ini punya tekad.

Bila kita lihat manusia terbiar larat
hingga mesti merempat ke biru laut ke kuning darat
harus kita lekas sedar penuh pada tugas
harus kita tegas sembah seluruh rasa belas.

Kita datang ini satu roh satu jasad
bila pulang sekali bawalah bakti pada berkat!

(A. Samad Said, *Utusan Zaman*, 13 Nov. 1955)

Nazak

Dia terbuju di hadapan kami dalam nazak usianya sudah mencapai hampir tujuh puluh tahun tibalah detik dia akan berpulang kepada khaliqnya melepaskan nafas satu, satu di penghujung usianya dia menarik nafasnya payah sekali matanya terpejam, dahinya berkerut menahan azab kumat-kamit bibirnya ku kira memohon keampunan' mencari jalan lurus untuk pulang menemui Penciptanya lama dia dalam keadaan begitu, nazak, menunggu saat yang sesaat barangkali terasa seperti bertahun sekali-sekala matanya terbuka, bibirnya bergerak payah meminta air, kerana terlalu dahaga, katanya.

Dapatkah kita bayangkan saat-saat terakhir perjalanannya? Betapa dia sendirian menghadapi saat menentukan ajalnya tiada siapa tahu betapa seksanya dia menarik nafas dan menghembuskannya satu, satu, hingga sampai ke saatnya hanya dia seorang sahaja yang tahu dalam saat seperti itu dia masih terdaya meminta air kerana terlalu dahaga katanya antara dengar dengan tidak tetapi airpun betapa dingin tidak dapat memuaskan dahaganya dia menjadi bertambah dahaga, malah semakin terseksa menarik nafasnya, seperti tersangkut pada ranjau dan duri!

Dan apabila tiba saatnya, kelopak matanya tertutup terbujuhlah jasad tua itu ditangisi mereka yang tinggal.

(Shamsuddin Jaafar, *Dewan Sastera*, 2003: 95)

Lampiran C

Apabila Kata-kata Menjadi Sebuah Dosa

Ingin kurakamkan segalanya pada malam ini
bagaimana kutidur di dadamu
dan kau cuba mengeringkan airmata
tapi aku tidak dapat bersuara
apabila setiap kata-kataku
telah menjadi sebuah dosa

Bila kau bertanya sesuatu
paling mudah menjawab “tidak tahu”
kerana berkata benar
telah menjadi sebuah dosa

Dan apalagi yang tinggal
selain mulut yang bisu
bila suaraku
telah menjadi merbahaya
dan kata-kata
telah menjadi sebuah dosa.

(Zurinah Hassan, 1977: 11)

Lampiran D

Mata Ayah

Kujabat mesra tangan ayah
urat-urat daging-daging keras terasa
mataku tersenyum matanya menyapa
anak yang pulang disambut ramah.

Tapi matanya, mata yang menatapku
kolam-kolam derita dan pudar bulan pagi
garis-garis putih lesu melingkungi hitam suram
suatu kelesuan yang tak pernah dipancarkan dulu.

Kelibat senyum matanya masih juga ramah
akan menutup padaku kelesuan hidup sendiri
bagai dalam suratnya dengan kata-kata riang
memintaku pulang menikmati beras baru.

Anak yang pulang di sisi ayahnya maka akulah
merasakan kepedihan yang tercermin di mata
meski kain pelekatnya bersih dalam kesegaran wuduk
dan ia tidak pernah merasa sebab derita itu adalah dia.

(Usman Awang, 1964)

Seri Trolak

(buat keluarga peneroka)

telah kau kepung segala bau
mengumpulkan khazanah alam
rimba pekat penuh rahsia
menelan apa saja
yang sedia mendekati.

Sebenarnya
terlalu berat buat menakluk kekuasaan
kecuali harapan
berbekalkan azam,
pohonpun kita suburkan lagi
lembah dan bukit serinya merimbun.

Kini, baunya yang dihirup
adalah keazaman terkuat
menerbitkan cahaya
serta wangi yang khas
waktu malam di sini
kunang-kunang pun menjadi bintang
menyerikan alam terbuka
siang cerah
bersama surya
terus mendenyutkan usaha.

(Siti Zainon Ismail, 1984: 58)

Lampiran E

Seorang Lelaki Tua

Seorang lelaki tua
yang tiba-tiba
merasakan
kehilangan sebuah sungai
tempat dulu petang-petang begini
bermain dengan teman-teman.

Seorang lelaki tua
yang tiba-tiba
merasakan
kehilangan sebuah halaman
tempat dulu sewaktu kecil
mendengar ibu bercerita tentang sekian dongengan.

Seorang lelaki tua
yang tiba-tiba
bagaikan terjaga
berdiri di antara bangunan-bangunan tinggi
asing dan menyepikan
di kelilingi asap dan debu
kering dan melemaskan.

(Lim Swee Tin, 1993: 46)

**Kalau kita tak berasa hina
kita tak pula berasa mulia**

Ini bukankah zaman untuk berbangga
sambil menceritakan sukses
atau mengatakan sebaliknya
kerana keduanya sama saja

tidak siapa pula akan terkejut mendengar
tuhan maha besar
bertahun-tahun dulu orang sudah mengucapkannya

ini adalah zaman untuk berasa kecil
dari pengalaman hidup yang kian tua
mata semakin kabur
perjalanan tidak sampai ke mana

memang orang tidak akan terhibur
dari cinta, rindu dan sayang
kata-kata yang sering dilemparkan
untuk analisa ahli bahasa
dan calun sarjana

ini bukan waktunya berbangga sebagai manusia
dan tidak juga untuk mencari hidup bagai haiwan
yang tak pernah memikirkan masalah kita
dan memberikan keputusan

entah itu dinamakan putus asa
entah kehilangan, entah apa
pasti kita jangan berasa lebih hina
dari ayam, burung, kucing dan anjing
yang nampaknya lebih aman
dari tuan-tuannya.

(Baha Zain, 1978: 58)

Lampiran F

Dialog

(kepada ibu)

I

Tenteramlah anak
walaupun kebanjiran sawah kita
hujan ini dari Tuhan
yang mencurah-curah rahmatnya.

Ada siang masakan tiada terang
dengarlah
si katak sudah tiada memanggil lagi
besok hari panas
padi kita akan lepas!

II

Tidurlah ibu
kita manusia kerdil
siang membanting tulang
malam menanggung bimbang.

Ada besok maka pasti ada suria
aku akan pergi
dengan seribu Jebat si anak tani
kian lama kita mati dalam setia
kali ini kita hidup dalam derhaka!

(Kassim Ahmad, *Utusan Zaman*, 26 Ogos 1958)

Segalanya Padamu Ibunda

Masa silam yang terpendam
di suram matamu
merantai badai beban waktu
kutahu

kau masih berupaya
meniduri hamparan duka.

Masa kini yang terukir
di senyum ramahmu
mendepani gementar siang gelisah malam
kutahu

kau adalah ladang segala kesabaran
tegak teguh merimbuni pohon ketabahan.

Masa depan yang terpancar
di nyala dadamu
kutahu

kau tak rela daun-daun harapan
gugur luruh menampar genggaman.

(Dharmawijaya, *Dewan Sastera*, Oktober, 1979)